

Saya pasti hubungi Najib - Saksi

KUALA LUMPUR 28 Mei - Pengarah Urusan syarikat Ihsan Perdana Sdn. Bhd., Datuk Dr. Shamsul Anwar Sulaiman memberitahu, beliau pasti akan menghubungi Datuk Seri Najib Tun Razak dan meminta penjelasan sekiranya mengetahui wang RM42 juta dipindahkan ke dalam dua akaun Ambank milik bekas Perdana Menteri itu.

Ini kerana, beliau mempunyai hubungan komunikasi terus dengan Ahli Parlimen Pekan itu. Bagaimanapun, beliau tidak mengetahui bahawa akaun AmPrivate Banking-1MY dan AmPrivate Banking-MY dengan nombor akaun berakhir 880 dan 906 adalah milik Najib.

Selain itu, saksi pendakwaan ke-37 itu ketika disoal balas oleh peguam bela Najib, Harvinderjit Singh memberitahu beliau tidak akan mengarahkan pembayaran RM42 juta itu dibuat jika mengetahui dua akaun terbabit adalah milik Najib.

Terdahulu, Dr. Shamsul An-

war memberitahu, tiga akaun milik Ihsan Perdana yang ditubuhkan bagi melaksanakan kerja-kerja tanggungjawab sosial korporat (CSR) mempunyai fungsi berbeza bagi mengelak berlakunya percampuran dana.

Ujarnya, syarikat tersebut telah membuka akaun yang berbeza mengikut cadangan Datuk Abdul Aziz Ismail selaku Pengarah Kewangan.

“Satu akaun menerima wang daripada geran yang mana kemudian masuk ke dua akaun untuk program CSR dan perbelanjaan operasi. Ini dilakukan supaya kami tidak mencampurkan dana. Dana yang diterima oleh Ihsan Perdana juga tidak boleh digunakan untuk tujuan politik. Ia hanya untuk tujuan CSR,” katanya.

Saksi berkenaan turut memberitahu, Najib tidak pernah mengarahkan beliau untuk menubuhkan Ihsan Perdana sebaliknya arahan untuk berbuat demikian diterima daripada



SHAMSUL ANWAR SULAIMAN hadir ke mahkamah bagi memberi keterangan berhubung tujuh pertuduhan terhadap Najib Tun Razak melibatkan dana RM42 juta daripada SRC International di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Hilmi.

Penubuhan tersebut adalah bagi mengelakkan berlakunya percanggahan konflik kerana sukar untuk memindahkan wang ke Ihsan Perdana bagi tujuan program tanggungjawab sosial

korporat (CSR) dan pembayaran kepada kontraktor.

Pada 4 Julai dan 8 Ogos tahun lalu, Najib, 66, mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan tiga pertuduhan pecah amanah, satu pertuduhan salah guna kedudukan dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram berhubung dana SRC.